

## **BAB V**

### **PENUTUP**

Alhamdulillah penulis merafa'kan syukur ke hadrat Allah SWT yang telah memberikan pertolongan sehingga berjaya menyelesaikan disertasi ini.

Disertasi ini akan ditutup dengan kesimpulan dan cadangan.

#### **5.0 Kesimpulan**

Abad kedua puluh merupakan abad keemasan bagi perkembangan tafsir Nusantara. Perkara ini dapat dibuktikan dengan lahirnya tokoh-tokoh yang bergiat aktif dalam bidang penulisan tafsir sama ada dalam bahasa Arab mahupun bahasa Melayu, bahkan dalam bahasa Jawa, Sunda, Bugis dan sebagainya.

Kajian ini didahului dengan sejarah penulisan tafsir dan perkembangannya secara umum di Indonesia bermula daripada abad ke 8 sehingga abad moden. Kemudian tentang aliran tafsir di Indonesia seperti tafsir kebatinan, tafsir kaum sufi, tafsir sastera, dan beberapa pemikiran kaum liberal dalam mentafsirkan al-Qur'ān, kemudian disambung dengan kajian tentang pengenalan aliran wahabi dan al-Ash'arī di Indonesia.

#### **Perbandingan karya tafsir yang dikarang oleh dua tokoh Nusantara**

A. Hassan (1887-1958) dan KH. Bisri Mustofa (1915-1977) adalah merupakan dua tokoh ulama Nusantara yang telah banyak memberikan sumbangan intelektual dalam dunia keilmuan. *Al-Furqān fī Tafsīr al-Qur'ān* karya A. Hassan dan *al-Ibrīz Lima'rifat Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīz* karya KH. Bisri Mustofa merupakan dua karya besar yang telah mencatat sejarah baru dalam bidang pengajian tafsir Nusantara. Kedua-dua tokoh ini mempunyai

latar belakang pemikiran yang berbeza. A. Hassan dikenali sebagai tokoh tajdid manakala KH. Bisri Mustofa adalah dikenali sebagai tokoh tradisional.

Hasil daripada kajian yang telah dilakukan oleh penulis terhadap tafsir kedua-dua tokoh menemukan beberapa perbezaan dan persamaan sama ada dari sudut metodologi mahupun dari sudut pemikiran. Dari sudut metodologi penulisan didapati adanya perbezaan, *al-Furqān* ditulis dalam bahasa Indonesia manakala tafsir *al-Ibrīz* ditulis dalam bahasa Jawa dengan menggunakan pemaknaan secara harfiah kemudian tafsiran secara umum dibahagian tepi. Dari sudut metodologi pentafsiran pula tidak terlalu banyak perbezaan. Sumber pentafsiran A. Hassan al-Qur'ān bi al-Qur'ān, Ḥadīth Nabi, perkataan Sahabat. Manakala KH. Bisri mustofa menggunakan sumber yang sama akan tetapi beliau memasukkan cerita Israiliyyat dalam tafsirnya. Kedua-dua tafsir ini merupakan tafsir yang menggabungkan antara *riwāyah* dan *dirāyah*.

### **Dari sudut pemikiran**

#### **Isu *Ḥurūf al-Muqatta'ah***

A. Hassan melakukan pentafsiran terhadap *Ḥurūf al-Muqatta'ah* sepertimana pentafsiran kaum sufi dengan cara simbolik, manakala KH. Bisri Mustofa memilih diam dan menyerahkan pemaknaannya kepada Allah SWT.

#### **Isu Aqidah**

Salah satu tajuk pembahasan dalam bidang aqidah adalah masalah qada' dan qadar. A. Hassan dan KH. Bisri Mustofa mempunyai pemikiran yang sama dalam memahami konsep takdir iaitu berorientasi kepada aliran teologi Ash'ariyyah, kenyataan ini dapat dibuktikan dengan pendirian kedua-dua tokoh dalam hal perbuatan manusia yang berpandangan bahawa setelah seseorang yakin dengan qadā dan qadar Allah, seorang

hamba juga harus percaya bahawa Allah telah menjadikan ikhtiar dan kuasa yang mereka gunakan untuk melakukan sesuatu.

Salah satu tajuk yang dibahas dalam isu aqidah adalah tentang *ru'yatullāh*. A. Hassan berpandangan bahawa manusia tidak akan dapat melihat Allah di dunia mahupun di akhirat, pemikiran A. Hassan tentang *ru'yatullāh* selari dengan pemikiran mu'tazilah. Menurut pandangan Muktaizilah, mustahil pada akal berlakunya perkara ini dengan alasan bahawa perbuatan melihat melibatkan objek, ruang dan masa, sedangkan Allah mustahil terlibat dengan unsur-unsur tersebut. Manakala KH. Bisri Mustofa memandang bahawa orang-orang beriman akan mendapat kenikmatan melihat Allah di alam akhirat kelak.

Isu lain dalam bidang akidah iaitu tentang asma' dan sifat. Pentafsiran A. Hassan terhadap ayat-ayat antropomorfisme (*tashbīh*) berkenaan dengan sifat ketuhanan beliau cenderung memberikan makna terhadap ayat-ayat tersebut apa adanya yakni tidak melakukan pentakwilan, ia mentafsirkan sepertimana diturunkan oleh Allah tanpa melakukan *ta'wīl*, *takyīf*, dan *tamthīl*, manakala KH. Bisri Mustofa dalam *al-Ibrīz*nya memilih jalan yang dilalui oleh ulamak khalaf dengan cara memberikan makna yang sesuai dengan keagungan Allah, seperti ketika beliau mengertikan kata "*istiwā'*" dalam ayat yang ditafsirkan oleh A. Hassan dengan "bersemayam", maka KH. Bisri Mustofa mengertikan *istiwā'* dengan "menguasai 'arash".

Masalah tawassul mengakhiri isu akidah. A. Hassan menentang keras bertawassul, manakala KH. Bisri Mustofa membolehkan bertawassul kepada Nabi dan para Wali. Beliau cukup banyak menghuraikan masalah ini dalam tafsirnya dengan menggunakan alasan dan analogi bahawa seseorang yang solat menghadap ke arah ka'bah yang berupa bangunan

batu, bukan maknanya dia menyembah kepada batu, akan tetapi menyembah Allah. Jadi seseorang sembahyang menghadap ka'bah kerana mengikut perintah Allah. Begitu juga dengan Malaikat ketika diperintahkan oleh Allah menyembah kepada nabi Adam, bukan bererti para Malaikat tunduk kepada nabi Adam, akan tetapi mereka tunduk kepada Allah kerana sujud hormat kepada nabi Adam adalah atas arahan Allah.

### **Isu Hukum Hakam**

Di antara perkara yang penulis kemukakan dalam isu hukum hakam iaitu hukum menyentuh isteri dalam keadaan berwudu', ia menjejaskan wudu' atau tidak. A. Hassan memandang bahawa walaupun terdapat banyak perbezaan dalam masalah tersebut antara yang membatalkan dan tidak membatalkan, A. Hassan mendiskusikan hujah kalangan yang menganggap batal wudu' dengan sebab bersentuh perempuan itu alasannya tidak kuat, iaitu ḥadīth yang dijadikan alasan itu daif, dan ayat yang dijadikannya alasan itu tidak menunjukkan batal bersentuh, tetapi batal bersetubuh, kerana ada beberapa ḥadīth yang menunjukkan Nabi pernah cium isterinya, lalu terus solat, dan ada pula ḥadīth yang menunjukkan Nabi ada pernah disentuh oleh isterinya semasa beliau sedang solat.

Oleh itu, dapat disimpulkan pandangan A. Hassan bahawa menyentuh perempuan itu tidak membatalkan wudu', walaupun perempuan yang halal dinikahnya. Manakala KH. Bisri Mustofa memandang sebaliknya, beliau mengikut pandangan imam Shāfi'ī yang mengatakan bahawa menyentuh perempuan adalah membatalkan wudu'.

Tajuk lain dalam isu hukum hakam adalah hukum menyentuh al-Qur'an bagi orang yang berhadas. A Hassan membolehkan menyentuh dan membaca al-Qur'an tanpa wudu' bagi orang yang berhadas. Menurut A. Hassan ḥadīth larangan tentang menyentuh al-

Qur'an bagi orang yang berhadath di dalam sanadnya ada seorang yang daif. Menurut pandangan A. Hassan bahawa orang yang menyentuh al-Qur'an itu, kalau perlu bersih badannya daripada najis, daripada hadas besar, daripada hadas kecil, tentulah Rasulullah tidak menghantar surat kepada raja-raja kafir dan musyrik dengan menggunakan ayat-ayat Qur'an, kerana raja-raja itu sudah tentu tidak bersih badannya daripada hadas besar, hadas kecil dan najis, sebagaimana yang dikehendaki oleh Islam. Berbeza dengan KH. Bisri Mustofa, beliau memandang bahawa menyentuh al-Qur'an mestilah berwudu'. Dalam *al-Ibriz* beliau mentafsirkan bahawa yang dimaksud dengan “المطهرون” dalam surah al-Wāqī'ah adalah orang-orang yang bersuci. Pembahasan hukum makan katak mengakhiri isu hukum hakam. Dalam pandangan A. Hassan makan katak adalah tidak haram, manakala KH. Bisri Mustofa mengatakan bahawa katak adalah jenis haiwan yang hidup di dua alam, dan hukumnya adalah haram dimakan.

### 5.1 Cadangan

- Perlu adanya kelanjutan kajian terhadap tafsir *al-Furqān* dan *al-Ibriz* yang penulis rasa masih banyak lagi isu-isu penting yang perlu dikaji dalam kedua-dua tafsir tersebut.
- Para pelajar hendaknya digalakkan untuk melakukan kajian perbandingan agar lebih mengenal pasti arah pemikiran pentafsir
- Jabatan al-Qur'an dan Hadith perlu membentuk lembaga terjemah yang bergiat dalam menterjemahkan naskah-naskah tafsir dan hadith Nusantara yang ditulis dalam bahasa daerah

Demikian disertasi ini ditulis semoga bermanfaat, *Wallāhu a'lam bi al-Ṣawāb*